

# Abdullah rasmi terminal kargo Lapangan Terbang Senai

Oleh ZAHARUDDIN MO ALI

**JOHOR BAHRU** 14 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan terminal kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dekat sini yang disifatkan sebagai satu kemudahan strategik demi memastikan kejayaan rancangan kerajaan mewujudkan Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER).

Menurut Perdana Menteri, apabila kerajaan merancang pembangunan bagi kawasan selatan Johor, banyak kemudahan infrastruktur yang perlu disediakan supaya ia memenuhi keperluan wilayah baru yang pesat itu.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan ini pula katanya, perlu dikendalikan dengan efisien dan pantas bagi menarik pelabur asing untuk menggunakannya.

"Saya amat mengalu-alukan usaha yang dimainkan oleh pihak swasta dalam meningkat dan melengkapkan kemudahan yang perlu ada dalam wilayah pertumbuhan baru yang dirancang oleh kerajaan," katanya ketika berucap pada majlis itu dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan syarikat-syarikat swasta supaya meningkatkan kecekapan dan keselamatan kerana jika kerap berlaku kes-kes kecurian, ia akan menye-

babkan pengguna hilang kepercayaan dan ini menjejaskan kepercayaan dan imej negara.

Sementara itu Pengerusi Senai Airport Terminal Services (SATS), Datuk Ismail Yusof berkata, SATS komited untuk melabur RM1 bilion pada sepuluh tahun pertama operasinya.

Beliau menambah, kompleks kargo lapangan terbang itu telah disiapkan pada 2004 dengan kos sebanyak RM50 juta termasuk kos perolehan peralatan pengendalian kargo.

Katanya, terminal itu mempunyai kapasiti 100,000 tan dan SATS merancang untuk membangunkan Lapangan Terbang Senai secara agresif sebagai pusat pemungahan kargo udara di rantau ini.

"Kami juga sedang menyediakan gudang-gudang untuk kegunaan ejen kargo dan syarikat penerbangan yang dijangka siap pada September," jelas beliau.

Ismail juga memberitahu, landasan pesawat serta beberapa infrastruktur asas di lapangan terbang itu juga akan dinaik taraf dan apabila siap kelak, lapangan terbang itu akan mempunyai keupayaan mengendalikan pesawat besar seperti Boeing 747.

Dengan rangkaian pengendalian kargo yang baik katanya, SATS yakin dapat membendung aliran keluar kargo menerusi negara ketiga dan memasarkan Lapangan Terbang Senai sebagai sebuah hab kargo baru bagi rantau Asia.

**Saya amat mengalu-alukan usaha yang dimainkan oleh pihak swasta dalam meningkat dan melengkapkan kemudahan yang perlu ada dalam wilayah pertumbuhan baru yang dirancang oleh kerajaan**

**ABDULLAH  
AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri



**ABDULLAH Ahmad Badawi** mendengar penerangan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Senai Airport Terminal Services, Datuk Mohd Sidik Shaik Osman (tiga dari kanan) sambil diperhatikan Ismail Yusof (kanan) semasa melawat terminal kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di Johor Bahru, semalam.